

ACU 118

(P)

**INSTITUSI GEREJA SEMASA PENJAJAHAN SEPANYOL DI FILIPINA :
ANTARA PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN DAN CAMPUR TANGAN
DALAM POLITIK SERTA EKONOMI**

**OLEH
NAMA : THANARAJ A/L GOPAL**

**Disertasi ini adalah untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera
Sejarah Asia Tenggara (secara berkursus dan disertasi) dengan kepujian.**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510502977

OKE

KANDUNGAN	Halaman
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Abstract	viii
Pengenalan	ix
Masalah Kajian	ix
Keterangan Sumber	xvi
Kaedah Kajian	xxiii
Skop Kajian	xxiii
Peripenting Kajian	xxiv
Bahasa dan Ejaan yang Diguna	xxvi
Matawang	xxvi
Singkatan	xxvi
Senarai Jadual	xxvi
Senarai Peta	xxvi
Istilah Sepanyol dan Tagalog	xxvii

BAB 1
PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN DI FILIPINA SEMASA
PENJAJAHAN SEPANYOL : CABARAN DAN KEJAYAAN

-Penjajahan Sepanyol yang Terawal	1
-Aspek Keagamaan Dalam Penjajahan Sepanyol	5
-Peranan Order-order Agama di Bawah Dasar Hispanisasi	14
-Kesukaran-kesukaran yang Dihadapi	25
-Kejayaan Penyebaran Agama Kristian	30
-Peranan dan Sumbangan Golongan Agama	
-Dalam Pendidikan, Kebajikan, Kesihatan dan Kesusasteraan	36
-Cara Penyebaran dan Perbezaan Tahap Penerimaan Agama Kristian di Filipina	43

BAB 2
**HALANGAN KEPADA PROSES SEKULARISASI GEREJA
DAN KEJADIAN PEMBERONTAKAN CAVITE 1872**

-Kepentingan Paderi Tempatan Dalam Institusi Gereja	55
-Faktor-faktor Yang Menghalang Proses Sekularisasi dan Tindakan <i>Friar</i> Untuk Menghalang Sekularisasi	58
-Dikri dan Cedula Berkaitan Sekularisasi	71
-Pemberontakan Cavite – Sebab dan Proses	77
-Ketidakadilan Dalam Hukuman	83
-Kesan Pemberontakan Cavite	87

BAB 3
**PENGARUH GOLONGAN AGAMA DALAM ASPEK POLITIK
SERTA PERBALAHAN DENGAN PIHAK PENTADBIRAN
SEPANYOL DI FILIPINA**

-Latar belakang Hubungan antara Kerajaan dan Gereja di Eropah	94
-Pembahagian Kuasa antara Pihak Pentadbir dan Pihak Keagamaan di Filipina	96
-Reaksi Awal Golongan Agama Terhadap Penaklukan Sepanyol	99
-Struktur Pentadbiran Kerajaan Filipina di Bawah Sepanyol	102
-Struktur Pentadbiran Gereja Filipina di Bawah Sepanyol	111
-Faktor-faktor dan Keadaan yang Membolehkan Golongan Agama Menjadi Kumpulan yang Berpengaruh	114
-Perbalahan Pihak Gereja dengan Pihak Pentadbiran Awam Sepanyol di Filipina	129
-Keberanian dan Tindakan Agresif Golongan Agama Dalam Mencabar Pihak Pentadbir	132

BAB 4
**CAMPUR TANGAN GOLONGAN AGAMA DALAM ASPEK
EKONOMI**

-Latar belakang Ekonomi Filipina Sebelum dan Selepas Kedatangan Sepanyol	140
-Penguasaan Tanah oleh Golongan <i>Friar</i> di Filipina	142
-Salah Laku Dalam Pengambilan Tanah	147
-Ketidakpuasan Hati Penduduk Tempatan Terhadap Tindakan Golongan Agama	150
-Usaha Pihak Pentadbiran Mengawal Pengambilan Tanah oleh Order Agama dan Keberkesanannya	155
-Penglibatan Golongan Agama Dalam Perdagangan dan <i>Obras Pias</i>	160
-Penglibatan Golongan Agama Dalam Sistem Ufti dan Buruh Paksa	164
-Penindasan-penindasan Ekonomi yang Lain	170
-Penentangan Terhadap Golongan Agama – Dari Awal Sehingga Revolusi 1896	175
KESIMPULAN	184
Lampiran	201
Bibliografi	208

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan disertasi ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak serta individu yang telah memberi bantuan yang sungguh bernilai kepada saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Aruna Gopinath atas kesanggupan beliau meluangkan masa yang begitu lama untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan disertasi ini. Beliau telah memberi nasihat dan kritikan yang membina serta semangat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Memandangkan saya mengikuti kursus ini secara sambilan, kesanggupan beliau mengatur sesi perbincangan mengikut kesesuaian saya amat saya hargai. Beliau juga telah banyak meminjam banyak buku yang amat penting untuk kajian saya. Tanpa bantuan beliau, tidak mungkin saya dapat menyiapkan disertasi ini. Saya berasa bertuah kerana dapat menjalankan kajian di bawah seorang penyelia yang penyabar dan berdedikasi seperti beliau.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaya. Seterusnya kepada semua tenaga pengajar Jabatan Sejarah, Universiti Malaya atas bantuan dan dorongan mereka secara langsung dan tidak langsung kepada saya. Sikap mengambil tahu tentang perkembangan disertasi saya membuatkan saya berasa ada pihak yang prihatin terhadap kajian saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang sahabat karib dan rakan seperjuangan, saudara Krishna Murthy dan saudari Ong Kui Hua. Pengalaman yang kita lalui sepanjang menyiapkan disertasi ini akan terus diingati. Pengorbanan anda dalam pelbagai bentuk amat saya hargai.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli keluarga saya. Dorongan dan sokongan moral yang anda berikan amat bermakna kepada saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada abang saya, Sugumaran Gopal yang banyak membantu untuk menaip disertasi ini.

Thanaraj A/L Gopal
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

ABSTRAK

Penyebaran agama Kristian ke koloni-koloni Sepanyol merupakan satu matlamat penting penjajahan Sepanyol. Di Filipina, perkara ini nyata sejak kedatangan Ferdinand Magellan pada tahun 1521, seterusnya apabila Miguel Lopez de Legazpi membuka petempatan di situ pada 1565.

Tanggungjawab menyebarkan agama Kristian diserahkan kepada paderi regular yang juga digelar *friar*. Secara umum, ajaran Katholik yang diperkenalkan telah diterima oleh penduduk tempatan walaupun kepercayaan tradisi terus dikenalkan ke satu tahap tertentu.

Walaupun penyebaran agama Kristian berjaya dilaksanakan, proses sekularisasi Gereja, iaitu satu proses penyerahan kariah-kariah kepada paderi sekular selepas aktiviti pengkristianan selesai, tidak dilaksanakan. Kegagalan ini meninggalkan kesan yang cukup mendalam dan menjadi salah satu isu penting yang membawa kepada Pemberontakan Cavite 1872.

Penglibatan gereja bukanlah dalam aspek keagamaan sahaja, campur tangannya dalam aspek politik dan ekonomi amat ketara. Dari segi politik, golongan *friar* telah menjadi saingan kepada pihak pentadbir Sepanyol di Filipina. Agama Kristian telah digunakan untuk memenangi hati penduduk tempatan. Seterusnya mereka berjaya meletakkan undang-undang di tangan mereka dan menjadi satu kuasa politik yang kukuh, pihak pentadbiran pula hanya menuruti segala dikri yang diterima dari Sepanyol.

Disertasi ini juga akan membincangkan bagaimana golongan *friar* telah mendapatkan kekayaan melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti ekonomi dengan mengamalkan diskriminasi dan menzalimi penduduk tempatan. Kegelohan

untuk mendapatkan kuasa melalui aspek politik dan ekonomi terus menguasai jiwa golongan *friar*, yang seterusnya menjelaskan matlamat asal semasa permulaan penjajahan pada tahun 1565 iaitu mengkristiankan penduduk tempatan.

ABSTRACT

One of the basic aims of the Spanish empire was to spread the Christian faith in its colonies. In the Philippines, this materialized with the arrival of Ferdinand Magellan in 1521 and its subsequent colonization by Miguel Lopez de Legazpi in 1565.

The regular clergies known as friars were responsible in imparting the Christian faith to the locals who absorbed the new faith wholly, albeit, preserving their traditional beliefs to a certain extent.

Though Christianization was successful, the secularization process whereby parishes were to be handed to the secular clergies was denied. This failure had a long lasting effect which culminated in the Cavite Mutiny of 1872, the thesis argues.

The Church was not just confined to Christianization. Its interference in the state is clearly evident in the political and economical spheres. Politically the friars were a challenge to the civil administrators. Using the Christian faith as a front to gain the support of the people, they were able to manoeuvre the laws and be a strong political force. Meanwhile, the civil administrators had to 'abide' by the decrees from Spain.

The thesis also argues how economically, the friars were able to muster strength in amassing wealth through their involvement in the various economic activities through discrimination and ill treatment of the masses. The greed for power through political and economic processes became more apparent and pertinent in the minds of the friars over the centuries, thereby subsuming their original aim of Christianization in 1565.

PENGENALAN

Masalah Kajian

Disertasi bertajuk **INSTITUSI GEREJA SEMASA PENJAJAHAN SEPANYOL DI FILIPINA: ANTARA PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN DAN CAMPUR TANGAN DALAM POLITIK SERTA EKONOMI**, cuba mengupas beberapa persoalan utama berkenaan institusi Gereja di Filipina semasa penjajahan Sepanyol. Penjajahan Sepanyol di Filipina bermula secara rasmi pada tahun 1565 apabila Miguel Lopez de Legazpi menduduki negara itu pada tahun tersebut. Sebelum itu, Ferdinand Magellan, seorang Portugis yang bernaung di bawah Raja Sepanyol telah sampai di Filipina pada tahun 1521. Penjajahan Sepanyol di Filipina berakhir secara rasmi pada 10hb Disember 1898 dengan termeterainya Perjanjian Paris antara Amerika Syarikat dan Sepanyol. Filipina secara rasmi diserahkan oleh Sepanyol kepada Amerika Syarikat. Sememangnya Sepanyol telah mentadbir Filipina untuk tempoh yang amat panjang iaitu 333 tahun.

Seperti yang digambarkan oleh tajuk disertasi, tiga perkara utama akan dikaji. Kajian akan dimulakan dengan melihat sejarah kedatangan agama Kristian di Filipina. Peranan order-order agama akan diberikan perhatian utama. Mereka yang digelar *friar* inilah yang dipertanggungjawabkan melakukan tugas penyebaran agama Kristian. Masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka akan diteliti. Seterusnya dinilai pula kejayaan penyebaran agama tersebut dan tahap penerimaannya oleh masyarakat tempatan. Bagaimana pula kedudukan kepercayaan-kepercayaan lama selepas kedatangan agama Kristian? Apakah pula faktor-faktor yang membawa kegagalan penyebaran agama Kristian di Mindanao? Perkara-perkara ini juga akan dibincangkan.

Satu aspek penting yang turut dibincangkan adalah proses sekularisasi iaitu satu proses penyerahan pentadbiran gereja kepada orang-orang tempatan oleh paderi-paderi regular (dari order agama). Akan dibuktikan bahawa tiadanya usaha sekularisasi Gereja adalah satu kelemahan yang paling ketara oleh institusi Gereja dalam meletakkan asas yang kukuh dalam penyebaran Kristian di Filipina. Kesannya akan dihubungkait dengan Pemberontakan Cavite yang telah berlaku pada tahun 1872.

Campur tangan bolehlah didefinisi sebagai usaha satu pihak memasuki urusan pihak lain atau ke dalam bidang yang di luar kuasanya. Sepanjang penjajahan Sepanyol di Filipina, campur tangan golongan keagamaan telah berlaku terutamanya dalam aspek politik secara aktif dan Gereja menjadi amat berkuasa di Filipina. Akan dibuktikan bahawa dalam banyak keadaan, golongan *friar* adalah manifestasi kuasa Sepanyol di Filipina. Keberanian mereka mencabar pihak pentadbiran tertinggi juga dibincangkan.

Campur tangan dalam ekonomi pula akan membincangkan mengenai tindakan order-order agama melibatkan diri dalam pengambilan tanah orang tempatan, penglibatan aktif dalam perdagangan, serta penguasaan badan yang digelar *Obras Pias*. Kesemua ini dilakukan oleh golongan agama atas nama agama Kristian.

Campur tangan dalam aspek politik dan ekonomi, walau atas apa sahaja alasan dan keadaan adalah satu penyelewengan daripada matlamat asal iaitu penyebaran agama Kristian. Campur tangan dalam dua bidang tersebut seterusnya membuka jalan kepada penyelewengan serta penindasan yang lebih nyata. Perkara ini jelas dilihat dalam penglibatan golongan agama dalam bidang ekonomi, yang mana penglibatan ini menyebabkan mereka melibatkan diri dalam rampasan tanah penduduk tempatan, menggunakan penduduk tempatan sebagai buruh paksa dan hamba. Perkhidmatan

penduduk tempatan diperoleh bila-bila masa, barangan mereka dibeli dengan harga yang murah dan golongan *friar* ini menggunakan pelbagai cara untuk mencapai motif material mereka. Dengan keadaan-keadaan sebegini jelaslah bahawa campur tangan itu seterusnya membawa kepada pelbagai penindasan dan penyelewengan.

Penulisan ini akan diakhiri dengan menilai kembali sejarah penentangan terhadap golongan *friar* di Filipina. Kesedaran telah timbul di kalangan penduduk tempatan dan nasionalis Filipina mulai pertengahan kurun ke-19 tentang kuasa dan salah laku golongan *friar* ini akan dikaji. Tumpuan khusus akan diberi kepada pendapat-pendapat Jose Rizal. Revolusi 1896 yang berlaku, bukan sahaja mewujudkan golongan pentadbir Sepanyol sebagai sasaran, sebaliknya golongan *friar* juga menjadi kumpulan yang ditentang. Bahagian kesimpulan pula akan mengemukakan hujah-hujah serta bukti yang kukuh untuk membuktikan sesungguhnya, aktiviti Gereja di Filipina bukanlah setakat penyebaran agama Kristian sahaja.

Tajuk ini dipilih berdasarkan kajian yang telah dibuat ke atas aspek penyebaran agama Kristian oleh golongan agama serta penglibatan mereka dalam aktiviti – aktiviti lain di Filipina.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, rata-rata mengakui peranan yang dimainkan oleh golongan agama Kristian dari Sepanyol dalam penyebaran agama Kristian di Filipina. Pendapat Hilarion M. Henares Jr. merumuskan hakikat ini : "The Spanish history of the Philippines begins and ends with the Spanish friar".¹ Orang yang

¹ Hilarion M. Henares. , Sun and Stars Alight, selected essays, Manila : n.p.n.d. hlm. 31.

paling penting di Filipina adalah golongan agama.² Jose S Arcilla, berpendapat kerana golongan agamalah, Sepanyol dapat menjajah Filipina lebih daripada 300 tahun.³

Ramai penulis seperti John Leddy Phelan, Nicholas P.Cushner dan Eliodoro G. Robles juga berpendapat Dasar Hispanisasi yang dijalankan oleh Sepanyol di Filipina paling berjaya dan meninggalkan kesan yang ketara dalam aspek keagamaan.⁴ Dalam keseluruhan empayar Sepanyol, hakikat kepentingan institusi gereja paling jelas di Filipina.⁵ Penerimaan agama Kristian oleh penduduk tempatan amat baik.⁶ Selain ajaran Katolik rasmi, wujud pula apa yang digelar folk Catholicism yang mengadunkan amalan dan kepercayaan setempat dengan ajaran Kristian.⁷ Di selatan Filipina, golongan Moro telah menangkis segala serangan orang Sepanyol dan mengamalkan cara hidup yang bebas daripada pengaruh Sepanyol.⁸ Namun pengaruh agama Kristian di Filipina tidak dapat dinafikan. Gregoria F. Zaide berpendapat “*Catholic Christianity is Spain's greatest legacy to the Filipino nation*”.⁹

Dalam membicarakan masalah sekularisasi gereja, ramai penulis seperti Horacio de la Costa dan John N. Schumacher berpendapat golongan paderi regular tidak menjalankan usaha sekularisasi secara aktif. Didorong oleh sifat prejudis berbentuk etnocentrisk dan sifat tamak golongan paderi regular dari Sepanyol in telah menghalang

² Jose S. Arcilla, An Introduction to Philippine History, Manila :- Ateneo Publication, 1971, hlm. 29.

³ Ibid., hlm.81.

⁴ John Leddy Phelan, The Hispanization of the Philippines – Spanish Aims and Filipino Responses 1565-1700, Madison: The University of Wisconsin Press, 1967, hlm. ix.

⁵ John Norbert Schumacher, The Filipino Nationalist Propaganda Campaign in Europe 1880-1895, Georgetown University: Microfilms 1965, hlm 23-24.

⁶ John Leddy Phelan, op.cit., hlm 159.

⁷ Ibid., hlm. 159.

⁸ Ibid., hlm. 27.

⁹ Gregoria F. Zaide, The Republic of the Philippines. History Government and Civilization, Manila : Rex Book Store, hlm. 12.

perkembangan institusi kepaderian tempatan Filipina.¹⁰ Horacio de la Costa banyak menulis tentang masalah sekularisasi dan berpendapat golongan paderi regular sengaja berlengah-lengah melaksanakan tugas memberikan latihan kepada paderi-paderi tempatan. Beliau juga berpendapat sesbuah institusi gereja tempatan hanya akan menjadi kukuh jika ia mempunyai paderi-paderi tempatan yang mencukupi.¹¹ Isu sekularisasi yang pada mulanya merupakan satu kontroversi keagamaan antara paderi regular dan sekular bertukar menjadi pemangkin nasionalisme di Filipina.¹² Kemunculan nasionalisme diakui telah meningkat dengan berlakunya pembunuhan Jose Burgos, Mariano Gomez dan Jacinto Zamora pada tahun 1872.¹³ Pemberontakan Cavite 1872 itu adalah gambaran revolusi yang bakal tercetus pada tahun 1896.¹⁴

Kesemua penulisan berkaitan dengan peranan Raja Sepanyol dalam pentadbiran dan keagamaan di Filipina menghubungkaitkan dengan penerimaan *patranato real* oleh baginda daripada Paus. Campur tangan golongan agama dalam aspek politik seringkali membawa konflik dengan golongan pentadbir. Kedua-dua pihak berkhidmat untuk Raja Sepanyol tetapi masing-masing cuba memperkuuh pengaruh mereka.¹⁵ Persoalan juga

¹⁰ John Leddy Phelan, *op.cit*, hlm. 160.

¹¹ Horacio de La Costa, "The Development of the Native Clergy in the Philippines dalam *Studies in Philippine Church History*, Ithaca: Cornell University Press, 1969, hlm. 67.

¹² John. N. Schumacher, *Father Jose Burgos, Priest and Nationalist*, Manila : Atenco University Press, 1972, hlm. 8.

¹³ John. N. Schumacher dan Nicholas P. Cushner, *Documents Relating to Father Jose Burgos and the Cavite Mutiny of 1872*, Manila: Atenco Publications 1969, hlm. 457.

¹⁴ Melanio Seduripa Fuguracion, *Background and Development of Philippine Nationalism 1872-1899*, Pittsburgh, Pennsylvania, 1959, hlm. 44.

¹⁵ Renato Constantino, *The Philippines – The Past Revisited* : Quezon City : Tale Publication Services, 1975, hlm. 19.

timbul apakah segala arahan yang dikemukakan oleh Raja Sepanyol dituruti. Pengaruh golongan agama dalam aspek politik mula ketara pada kurun ke-17 dan menjelang akhir abad ke 18, memang jelas kuasa sebenar berada di tangan golongan *friar* ini.¹⁶

Penglibatan golongan agama Sepanyol dalam aspek ekonomi, terutamanya dalam hak milik tanah dan penggunaan tenaga buruh tempatan telah diberi tumpuan khusus oleh beberapa orang penulis, khasnya Nicholas P. Cushner. Beliau juga cuba menghubungkait harta yang diperoleh oleh golongan agama dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh mereka.¹⁷ Namun cara kekayaan itu diperolehi seringkali dipersoalkan.

Pemilikan tanah yang begitu luas serta cara perluasan yang begitu mudah menjadi satu sebab keengganahan penduduk tempatan untuk percaya bahawa tanah-tanah itu sebenarnya adalah milik kumpulan keagamaan.¹⁸ Golongan agama juga telah melibatkan diri secara aktif dalam perdagangan galleon dengan bantuan *Obras Pias* yang memberikan bantuan kewangan untuk menjalankan kegiatan perdagangan.¹⁹ Order-order agama ini juga telah menyalahi undang-undang dalam penggunaan tenaga buruh tempatan.²⁰ Sifat tidak bijak golongan *friar* dan pentadbir yang menguasai banyak estet serta pengenaan cukai dan ufti serta amalan buruh paksa telah mendorong kaum petani

¹⁶ Eliodoro G. Robles, The Philippines in the Nineteenth Century, Quezon City : Malaya Book Inc. 1969, hlm 23

¹⁷ Nicholas P. Cushner, Landed Estates in the Colonial Philippines, Connecticut : Yale University, 1976 hlm. 27.

¹⁸ Dennis Morrow Roth, The Friar Estates of the Philippines, University of Oregon : The Department of Anthropology, 1974, hlm. 193.

¹⁹ William Lytle Schurz, The Manila Galleon, Quezon City : R.P Garcia Publishing Co. Inc., 1985, hlm. 135.

²⁰ Nicholas P. Cushner, Spain in the Philippines – From Conquest to Revolution, Quezon City : Ateneo de Manila University, 1971, hlm. 114.

untuk melakukan pemberontakan.²¹ Mengenai soal kemalasan pula, adalah menjadi kebiasaan jika pihak penjajah menuduh penduduk tempatan memiliki ciri negatif ini. Namun dalam keadaan di Filipina, tanggapan sebegini banyak dibuat oleh golongan *friar*, seterusnya mencetuskan kemarahan penduduk tempatan.²² Jose Rizal, tokoh nasionalis Filipina, tidak banyak menulis tentang agama Kristian secara formal. Namun begitu, Eugene A. Hessel berpendapat Rizal banyak menyentuh tentang amalan dan kepercayaan keagamaan serta pemikirannya tentang aspek keagamaan dengan teratur. Penentangan terhadap golongan *friar* ini juga merupakan satu sebab yang membawa kepada Revolusi 1896.

²¹ Teodoro A. Agoncillo, The Revolt of the Masses, the Story of Bonifacio and the Katipunan, Quezon City: University of The Philippines, 1956, hlm. 6.

²² Syed Hussein Alatas, The Myth of the Lazy Native, London: Frank Cass and Company Ltd., 1977, hlm. 108.

Keterangan Sumber

Disertasi ini telah disiapkan dengan menggunakan bahan-bahan terhad yang diperolehi dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan bahan-bahan yang telah dipinjamkan oleh penyelia saya, Prof. Madya Dr. Aruna Gopinath kepada saya. Satu masalah besar yang dihadapi adalah ketiadaan sumber pertama. Ini adalah kerana sebagai seorang pelajar yang mengikuti kursus ini secara sambilan, beban tugas di samping kesukaran mendapat cuti, juga masalah kewangan telah menjadi penghalang kepada saya untuk membuat lawatan ke arkib di Filipina. Namun begitu, saya telah berusaha mengatasi kekurangan-kekurangan ini dengan meneliti dokumen-dokumen serta surat-surat yang telah diterbitkan dalam buku-buku yang saya peroleh dari Perpustakaan Universiti Malaya.. Berikut adalah antara surat dan dokumen yang dikaji serta kepentingannya:-

1. Surat yang dihantar oleh Father Andres de Urdaneta kepada Raja Philip II (rujuk The Christianization of the Philippines, terjemahan Rafeal Lopez dan Alfonso Felix, Manila: University of San Augustine, 1965.

Penting untuk melihat respon Andres de Urdaneta terhadap arahan Raja Sepanyol untuk mengikuti ekspedisi ke Timur. Sifat keagamaan Andres de Urdaneta yang merupakan seorang *friar*, terserlah melalui jawapan yang diberikan.

2. Arahann kepada Miguel Lopez de Legazpi daripada pihak Real Audencia Mexico yang ditulis oleh Antonio de Turcois (Ibid., hlm. 257-275.).

Digunakan untuk membuktikan bahawa pihak Sepanyol mengutamakan aspek keagamaan dan juga ekonomi dalam melakukan penjelajahan ke Timur.

3. Surat yang ditulis oleh Archbishop Gregorio Meliton Martinez kepada Marshall Francisco Serrano, Regent Sepanyol mengenai sejarah permusuhan antara paderi regular dan sekular di Filipina. Rujuk John N.Schumacher dan Nicholas P.Cushner, Documents Relating to Father Jose Burgos and the Cavite Mutiny of 1872, Manila: Atenco de Manila University, 1969 (hlm. 463-487.). Melalui surat ini, maklumat penting berkenaan sejarah permusuhan antara dua kumpulan paderi tersebut dikenalpasti. Isu sekularisasi Gereja ditonjolkan sebagai punca utama permusuhan dalam surat ini.
4. Dokumen mengenai arahan penapisan surat yang diterima oleh beberapa individu, terutamanya Father Jose Burgos (Ibid hlm. 489.).
Dokumen ini digunakan untuk membuktikan sesungguhnya Father Jose Burgos digeruni oleh penajah Sepanyol dan usaha telah diambil sejak awal lagi untuk mengawasi tindak-tanduk beliau.
5. Dokumen yang membuktikan tiada wujudnya bukti kukuh bersabit tuduhan terhadap Father Burgos (Ibid, hlm. 495-499.).
Dokumen ini digunakan untuk membuktikan bahawa hukuman bunuh terhadap Jose Burgos dan rakan-rakannya dilakukan secara tergesa-gesa.
6. Beberapa surat yang ditulis oleh Jose Rizal antaranya surat beliau kepada Ferdinand Blumentritt, juga surat bahawa beliau menarik balik idea-idea yang dicetuskan (Selected Essays and Letters of Jose Rizal, Manila: Rangel and Sons, 1964) dan juga The Rizal-Blumentritt Correspondence, Bahagian 1- 1886- 1889, Manila: Jose Rizal National Centennial Commission, 1961.

Kajian terhadap surat-surat ini penting untuk menilai pendapat beliau mengenai golongan *friar*, begitu juga sebaliknya. Selain itu, beberapa dokumen penting dan catatan-catatan yang dikumpulkan oleh Emma Helen Blair dan James Alexander Robertson dalam The Philippine Islands, 1493-1898 yang ditulis dalam 55 siri juga telah diteliti. Begitu juga dengan akhbar La Solidaridad yang telah dibukukan. Beberapa mikrofilem juga telah diteliti. Adalah diharapkan penggunaan bahan-bahan tersebut sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah ketiadaan sumber pertama.

Sumber kedua pula merujuk kepada penggunaan buku – buku yang ditulis yang berkaitan dan sesuai dengan tajuk ini. Jurnal dan akhbar juga digunakan. Penulis-penulis sumber kedua yang saya gunakan biasanya adalah orang Filipina, Sepanyol atau Amerika Syarikat. Buku-buku dan tesis ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris.

Bilangan buku yang memberikan tumpuan sepenuhnya kepada institusi Gereja semasa penjajahan Sepanyol amatlah terhad. Buku Studies in Philippine Church History, Ithaca: Cornell University Press, 1969, adalah salah satu daripadanya. Buku yang disusun oleh Gerald H. Anderson ini amat penting untuk kajian saya kerana ia memberikan fokus terhadap pelbagai aspek berkenaan institusi Gereja sepanjang lebih 300 tahun pemerintahan Sepanyol. Struktur pentadbiran Gereja, undang-undang Gereja serta kaitan Gereja dengan nasionalisme adalah antara beberapa topik penting yang disentuh. Isu sekularisasi Gereja telah diberi tumpuan khusus oleh Horacio de la Costa melalui rencana beliau yang dimuatkan dalam buku ini. Penulis-penulis yang menyumbangkan pendapat dalam buku ini adalah daripada kalangan biasa dan juga golongan agama dan mereka tergolong dalam mazhab-mazhab yang berbeza. Ini memberikan variasi dalam idea-idea yang dikemukakan.

Buku yang ditulis oleh John Leddy Phelan iaitu The Hispanization of the Philippines, Spanish Aims and Filipino Responses, 1565-1700, London: University of Wisconsin Press, 1967, adalah amat bernilai untuk kajian saya kerana ia memberikan banyak maklumat mengenai dasar Hispanisasi, iaitu satu dasar yang antara lain memberikan tumpuan kepada aspek penyebaran agama Kristian di Filipina. Phelan telah menilai kesan yang dibawa oleh dasar ini dari aspek agama, politik dan ekonomi. Penilaian beliau adalah bersifat subjektif dan beliau memberi tumpuan seimbang terhadap kejayaan dan kegagalan dasar tersebut. Walaupun kajiannya hanyalah sehingga tahun 1700, tempoh tersebut memadai untuk kajian saya kerana aktiviti pengkristianan sudah cukup mantap menjelang tahun 1700. Saya berpendapat buku ini adalah klasik dalam membicarakan Hispanization.

Onofre D. Corpuz, pula merupakan antara penulis tempatan Filipina yang paling terkenal dalam penulisan sejarah Filipina. Penulisan beliau, The Roots of the Filipino Nation, Quezon City: Aklahi Foundation Inc., 1989 yang dimuatkan dalam dua siri, memberi maklumat lengkap tentang kehidupan masyarakat Filipina semasa penjajahan Sepanyol. Saya dapati buku ini amat bernilai kerana penduduk tempatan dijadikan fokus utama. Cara hidup serta masalah-masalah yang dihadapi mendapat perhatian utama beliau. Keterperincian beliau dalam menerangkan sesuatu perkara, misalnya kehidupan di sebuah doktrina menjadikan penulisannya cukup menyerlah. Begitu juga membicarakan isu perampasan tanah, keterperincian dibuktikan dengan mengkaji bagaimana tanah tersebut dirampas, apakah kesannya kepada penduduk tempatan, apa pula tindakan mereka dan apa pula tindakan pentadbir. Pendek kata usaha beliau mengetengahkan penduduk tempatan sebagai penggerak sejarah Filipina amat berkesan.

Seorang lagi penulis yang memberikan tumpuan terhadap aspek tanah adalah Nicholas P. Cushner melalui bukunya Landed Estates in the Colonial Philippines, Connecticut: Yale University, 1076. Beliau cuba meneroka system penggunaan tanah sebelum dan selepas penjajahan Sepanyol dengan menjadikan kawasan Tondo sebagai kawasan kajian. Walaupun tidak memberikan banyak maklumat tentang keadaan sebelum kedatangan Sepanyol, maklumat yang bernilai dikemukakan tentang keadaan selepas itu, terutama sekali cara pengambilan tanah, penggunaan buruh paksa serta reaksi penduduk tempatan.

Isu tanah iaitu pemilikan estet-estet besar oleh kumpulan *friar* juga mendapat perhatian Dennis Morrow Roth, melalui bukunya, The Friar Estates of the Philippines, University of Oregon : Department of Anthropology, 1974. Buku ini amat berguna kepada saya untuk mendapat maklumat mengenai keluasan tanah oleh sesuatu order agama di Filipina. Istilah-istilah berkaitan tanah juga banyak diberikan. Beliau juga menyentuh secara tidak langsung salahlaku golongan agama dalam polisi pengambilan tanah penduduk tempatan, yang seterusnya membolehkan saya membuat perbandingan dengan maklumat yang diberi oleh penulis seperti Corpuz dan Cushner.

Aspek politik dibincangkan oleh ramai penulis. Penulisan Renato Constantino iaitu The Philippines – A Past Revisited, Quezon City : Tale Publishing Service, 1975 digunakan dalam kajian kerana penulisannya menilai kembali pemerintahan Sepanyol di Filipina secara kritis. Beliau banyak membandingkan kuasa yang dimiliki oleh golongan pentadbir dan juga golongan agama. Ini dapat membantu saya menilai pengaruh kedua-dua kumpulan tersebut.

Penulisan Eliodoro G. Robles, The Philippines in the Nineteenth Century, Quezon City : Malaya Books Inc., 1969 pula menumpukan perhatian terhadap struktur politik di Filipina pada kurun tersebut. Namun begitu, beliau tidak pula mengabaikan keadaan sebelum itu. Yang menarik dalam penulisan beliau adalah fokus yang diberikannya terhadap struktur pentadbiran Gereja pada kurun ke-19. Ini adalah maklumat amat bernilai kerana struktur Gereja itu sebenarnya tidak banyak berubah sejak awal lagi.

Gregorio F. Zaide, Philippines Political and Cultural History, Manila : Philippines Education Company, 1957 juga banyak digunakan dalam kajian saya. Beliau telah memberikan perhatian terhadap bidang-bidang seperti pendidikan, kebajikan, kesusasteraan dan sebagainya. Sumbangan golongan agama dalam bidang-bidang ini telah diberi tumpuan khusus.

John Norbert Schumacher melalui buku beliau Father Jose Burgos, Priest and Nationalist, Manila : Ateneo University Press, 1972 memberikan maklumat terperinci mengenai peranan Jose Burgos dalam memperjuangkan persamaan antara paderi regular dan paderi tempatan. Perbincangan beliau tidak terhenti di situ, sebaliknya beliau telah memberikan butiran penting berkaitan Pemberontakan Cavite 1872. Buku ini menumpukan kepada sebab musabab perjuangan paderi-paderi tempatan hingga terjadinya peristiwa yang cukup bersejarah itu dalam bentuk urutan peristiwa.

Beberapa buah buku lain juga digunakan untuk mendapatkan gambaran umum tentang keadaan di Filipina semasa penjajahan Sepanyol. Buku Nicholas P. Cushner, Spain in the Philippines, from Conquest to Revolution, Quezon City : Ateneo de Manila University, 1971 adalah antara buku yang memenuhi kehendak ini. Walaupun lebih

mengutamakan pihak penjajah dalam penulisannya, Cushner telah menyatakan dengan jelas penjajahan Sepanyol terhadap Filipina dari awal hingga akhir dengan jelas. Sejarah kedatangan, dasar-dasar yang dijalankan, struktur pentadbiran, cukai dan buruh serta perubahan ekonomi adalah antara perkara yang diberi tumpuan.

Beberapa bentuk penulisan lain juga telah diteliti, antara lain novel dan juga jurnal. Novel Noli Me Tangere dan El Filibusterismo yang ditulis oleh Jose Rizal dan diterjemahkan, juga diguna untuk mendapat gambaran tentang penindasan yang dialami oleh penduduk tempatan. Beberapa jurnal, terutamanya Journal of South East Asia Studies telah diguna. Mikrofilem berkenaan tajuk disertasi yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya juga telah dikaji.

Kaedah Kajian

Disertasi ini merupakan satu kajian *historical* berkenaan peranan institusi keagamaan dalam penyebaran agama Kristian dan juga politik serta ekonomi. Perbincangan adalah berkisar kepada tema-tema penting yang sesuai dengan kehendak tajuk. Keutamaan akan diberi kepada sebab – musabab dan kesan sesuatu peristiwa dengan melakukan analisa terhadapnya. Walaupun tempoh masa yang dikaji adalah panjang, peristiwa-peristiwa yang berlaku akan disampaikan dalam bentuk kronologi. Ini dilakukan atas kepercayaan bahawa ia adalah cara yang terbaik untuk menyampaikan dapatan mengenai tajuk ini.

Skop Kajian

Kajian ini akan mengkaji peristiwa-peristiwa yang sesuai dengan kehendak tajuk disertasi dari awal hingga akhir penjajahan Sepanyol (1565-1898). Namun begitu, memandangkan aktiviti penjelajahan ke Filipina telah bermula lebih awal, ekspidisi Ferdinand Magellan yang sampai di Filipina pada tahun 1521 juga disentuh. Beberapa peristiwa selepas kedatangan Amerika Syarikat juga akan disentuh, terutamanya peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa penjajahan Sepanyol dan terus menampakkan kesan semasa penjajahan Amerika Syarikat mulai 1898. Memandangkan tempoh kajian adalah cukup lama, penulisan ini hanya memberi tumpuan kepada peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan dengan tajuk disertasi. Perbandingan dan perkembangan peristiwa akan cuba dilihat dari satu abad ke satu abad yang lain.

Peripenting Kajian

Berdasarkan literature yang sedia ada, hampir kesemuanya tidak membincangkan peranan golongan keagamaan Sepanyol di Filipina secara menyeluruh, iaitu melihat peranan mereka dalam penyebaran agama Kristian, penglibatan mereka secara aktif dalam aspek politik dan ekonomi secara terperinci. Kebanyakannya penulisan juga lebih memberi tumpuan kepada golongan pentadbir Sepanyol di Filipina dan peranan serta kepentingan golongan agama diselitkan di dalamnya. Penulisan ini cuba memberi fokus utama kepada golongan agama, selepas itu barulah peranan golongan lain terutamanya pihak pentadbir Sepanyol yang berhubungkait dengan golongan agama turut disentuh.

Dasar Hispanisasi yang dijalankan oleh Sepanyol di Filipina adalah satu topik yang amat popular dan seringkali dibincangkan. Namun begitu, darjah kejayaan dasar Hispanisasi itu adalah sesuatu yang subjektif. Ini membuka peluang kepada seseorang menilai kembali kejayaan dasar tersebut dan memberi pendapat masing-masing. Isu sekularisasi gereja pula agak kurang dibincangkan. Melalui isu sekularisasi, akan dibuktikan bahawa institusi Gereja gagal dalam meletakkan gereja Filipina di bawah kepimpinan tempatan dan ini merupakan kelemahan yang paling ketara.

Kejadian Pemberontakan Cavite 1872 seringkali dilihat dari sudut politik sahaja. Penulisan ini cuba memberi keutamaan kepada aspek agama dalam pemberontakan ini, iaitu mengkaji bagaimana isu sekularisasi gereja mempunyai kaitan dengan pemberontakan ini. Ini dapat memberikan variasi kepada seseorang pembaca untuk membuat penilaian terhadap Pemberontakan Cavite.

Penglibatan golongan agama dalam bidang politik dan ekonomi akan lebih bermakna sekiranya ia dikaji dari peringkat akar umbi iaitu keadaan-keadaan awal yang

membawa kepada campur tangan dalam dua aspek ini. Penulisan ini telah cuba sedaya upaya mengupas persoalan asas kepada dua bidang tersebut. Akan dibuktikan bahawa campur tangan itu sesungguhnya telah berlaku.

Adalah diharapkan juga, agar kajian ini dapat mengisi kekosongan yang ditinggalkan dalam penulisan tentang peranan golongan agama Kristian Sepanyol di Filipina, iaitu mengkaji dan menilai peranan mereka dari tiga aspek – penyebaran agama, campur tangan dalam politik dan campur tangan dalam ekonomi.

Penulisan ini juga diharapkan dapat memperkaya karya-karya akademik dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, memandangkan penulisan tentang sejarah mualih Kristian dianggap masih baru, diharapkan penulisan ini sedikit sebanyak memberi sumbangan dalam bidang ini.

Pendapat Bishop Stephen Neill dalam pendahuluan buku Studies in Philippines Church History boleh dijadikan iktibar.

"The history of Christian missions is among the youngest of the disciplines. For a long period the secular historians solved all the problems of the encounter between East and West in the field of religion by the simplest of all methods they totally ignored it."

Penulisan ini diharap sedikit sebanyak akan mengatasi kekurangan yang wujud.

¹ Gerald H. Anderson (ed.), Studies in Philippines Church History, Ithaca: Cornell University Press, 1969, bahagian pengenalan.

Bahasa dan Ejaan yang Diguna

Disertasi ini telah ditulis dalam bahasa Melayu dengan merujuk kepada Kamus Dewan yang terbaru. Beberapa istilah dan gelaran dikekalkan dalam bahasa Sepanyol untuk mengekalkan keasliannya dan diberi makna atau penerangan dalam bahasa Melayu. Petikan-petikan yang diguna dikekalkan dalam bahas Inggeris untuk mengemukakan pendapat penulis-penulis asal tanpa sebarang tokoh-tambah atau kekurangan seterusnya dapat meninggalkan kesan yang lebih mendalam terhadap pembaca.

Matawang

Matawang peso yang diguna adalah merujuk kepada matawang rasmi Filipina.

Dollar (\$) merujuk kepada matawang Amerika Syarikat

Singkatan

fr. – Friar

Katipunan – Kataastaasan Kagalanggalang Na Katipunan Ng Mga Anak ng Bayan

n.p.n.d. – no publisher no date

Senarai Jadual

Jadual 1 - Pembahagian Kawasan di antara Order-order Agama di Filipina

Jadual 2 – Bilangan Penduduk Kristian di Filipina Semasa Penjajahan Sepanyol

Senarai Peta

Peta 1 – Filipina

Peta 2 – Kedudukan Samar dan Leyte di Filipina

Peta 3 – Pembahagian Wilayah-wilayah di Filipina

Peta 4 – Kedudukan Cabecera di Filipina, 1655

Peta 5 – Kedudukan Cabecera di Luzon Tengah, 1655

Peta 6 – Kedudukan Cavite di Filipina

Istilah Sepanyol dan Tagalog

adelantado – pegawai perkhidmatan awam

alcade mayor - pentadbir di peringkat wilayah

almacen de la fe – gedung keagamaan

Anito – tahun mengikut kepercayaan tempatan orang Filipina

barangay - unit pentadbiran paling kecil di Filipina

barrio – daerah di kawasan luar bandar

Bathala – dewa penduduk tempatan Filipina mengikut kepercayaan tradisional

beaterio – rumah keagamaan yang juga menjalankan kegiatan pendidikan untuk wanita

biyahe - pelayaran

boletas – tiket untuk melibatkan diri dalam perdagangan galleon

bodega - gudang

cabecera – pusat untuk sesebuah kariah

casa tribunal – dewan perbandaran

casas de reservas – buruh yang dikecualikan daripada kerja-kerja awam

catalonian – sami wanita dan lelaki di kalangan orang Tagalog yang menjalankan upacara keagamaan traditional

Comission Permanente de Censura – Lembaga Penapis

conquistadores – penakluk (askar)

contabilidad – jabatan penyata akaun

datu – ketua tempatan

debajo de las companas – di bawah loceng

doctrina – struktur pentadbiran agama yang sementara sebelum kariah dibentuk

encomendoro – pemilik tanah yang dianugerahkan oleh raja, seterusnya menjadi pentadbir

estancia – tanah-tanah yang luas

fiscales – pegawai keagamaan dari Mexico

fray- paderi-paderi yang tergolong dalam order-order agama, lebih dikenali sebagai *friar* dalam bahasa Inggeris

fuero eclesiastico – sistem perundangan yang memberi keistimewaan kepada Gereja

gobernadorcillo – pegawai perbandaran

hacienda – estet-estet besar

indio – panggilan orang Sepanyol terhadap penduduk tempatan yang dianggap satu penghinaan

inquilino – penyewa dengan kadar sewa tetap

jardin de la Catalica – taman agama Katolik

kutsara – sudu

maharlika – golongan bangsawan

mestizo –orang yang berketurunan darah Filipina dan campuran bangsa lain

obedezzo pero no cumpllo – saya patuh tetapi saya tidak laksana

poblacion – struktur pentadbiran atau pusat perdagangan di suatu bandar

principalia – kumpulan berkedudukan tinggi dan menikmati banyak keistimewaan di Filipina

pueblo - pekan (town)

realangas – tanah di raja

real situado – subsidi yang dihantar oleh Mexico ke Filipina

Recopilation – kumpulan undang-undang atau cedula yang dikeluarkan untuk kerajaan di Indies

reduccion – petempatan penduduk tempatan yang baru ditakluki

servicious personales reales – khidmat buruh untuk mengerjakan tanah-tanah awam

servicious personales particulares – khidmat buruh yang diguna untuk kerja-kerja persendirian

simbahan – tempat / bangunan kepercayaan tradisional dijalankan

tañores – perkhidmatan orang tempatan yang diguna sekali dalam masa seminggu

vagamundo – tidak mempunyai petempatan tetap

vandala – sistem yang mewajibkan penduduk tempatan menjual hasil kepada kerajaan.

vicar apostolic – jawatan tinggi keagamaan yang menguruskan hal ehwal agama Kristian di Timur

viva Espana viva – hidup negara Sepanyol

Peta 1 : Filipina

